

## **PSP Jalin Kerjasama Dengan Pusat Latihan Kemahiran SLC Tingkatkan TVET**



Pengarah Politeknik Seberang Perai, Zulkifli Ariffin (dua kiri) bersama sambil bertukar-tukar surat hasrat dengan Pengerusi SLC Auto Academy, Ooi Lye Oo (tiga kiri) selepas menandatangani surat hasrat, Rabu, bagi menjalin kerjasama pintar dua hala dalam program latihan penyelidikan dan inovasi antara kedua-dua pihak.

penuntut dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) PSP akan dihantar mengikuti kursus latihan di Pusat Latihan Kemahiran SLC dan mereka akan diberikan sijil kemahiran," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada majlis menandatangani Surat Hasrat antara PSP dan Pusat Kemahiran SLC itu, Zulkifli mewakili PSP manakala Pusat Latihan Kemahiran SLC diwakili Pengurusnya Ooi Lye Oo.

Zulkifli berkata menerusi kerjasama itu pensyarah dan tenaga pengajar di Pusat Latihan Kemahiran SLC boleh bertukar idea dan pengalaman dalam bidang yang relevan terutama berkaitan kejuruteraan.

"Melalui program itu juga, PSP secara tidak langsung berpeluang mempromosi peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran di politik. Kami juga menawarkan program Diploma Profesional kepada pekerja-pekerja industri yang berpengalaman dalam bidang itu bagi meningkatkan kelulusan mereka," katanya.

Ketua Unit Kolaborasi Industri dan Kebolehpasaran Graduan PSP Dr Abdul Rahim Abdul Rahman berkata penuntut yang mempunyai sijil dari pusat latihan kemahiran mempunyai peluang lebih baik untuk mendapat kerja selepas tamat pengajian.

"Di PSP kami memberikan pendidikan dalam teori dan kemahiran manakala di pusat latihan kemahiran mereka memberi nilai tambah kepada penuntut iaitu memberi latihan secara praktikal dengan lebih terperinci. Ini yang industri dan majikan mahukan daripada setiap penuntut," katanya.

– BERNAMA

BUKIT MERTAJAM, 18 Mei (Bernama) -- Politeknik Seberang Perai (PSP) dan Pusat Latihan Kemahiran SLC Sdn Bhd hari ini menjalin kerjasama pintar dalam program latihan, penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan lagi bidang Pendidikan Vokasional dan Teknikal (TVET) di politeknik itu.

Pengarah PSP Zulkifli Ariffin berkata kolaborasi dua hala itu turut menjadi nilai tambah kepada graduan PSP sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan yang semakin komprehensif.

"Jadi setiap semester sekurang-kurangnya 20